

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN SU KEONG SIONG**  
**[ IPOH TIMOR ]**

**SOALAN** : Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]  
minta **MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan pendirian dan kedudukan  
Kerajaan Malaysia mengenai "*The Core*  
*International Human Rights Instruments*" di  
bawah naungan Persatuan Bangsa-  
Bangsa Bersatu. Nyatakan juga secara  
terperinci "*triti-triti*" yang Malaysia ada  
hasrat tetapi belum menjadi ahli  
"*signatories*" dan/atau ratifikasi "*triti-triti*"  
tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timor atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Pertama sekali, ingin saya tekankan bahawa Kerajaan sentiasa memandang serius tanggungjawabnya untuk melindungi hak asasi manusia semua rakyat Malaysia. Sungguhpun begitu, kesungguhan Kerajaan dalam melindungi hak asasi manusia rakyat Malaysia tidak boleh dinilai hanya melalui penyertaan negara ke instrumen-instrumen hak asasi manusia di peringkat antarabangsa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Saya yakin Dewan yang mulia ini telah pun maklum bahawa Malaysia telah menyertai tiga konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkenaan hak asasi manusia iaitu *Convention on Rights of the Child* (CRC), *Convention on Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) dan *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (CRPD). Malaysia telah menyertai CRC pada 17 Februari 1995 dan CEDAW pada 5 Julai 1995. Manakala, CRPD pula telah diratifikasi pada 19 Julai 2010 yang lalu.

4. Seperti Dewan yang mulia ini juga sedia maklum, isu berkenaan penyertaan Malaysia ke instrumen-instrumen antarabangsa mengenai hak asasi manusia yang lain pernah dibangkitkan beberapa kali. Sepertimana yang juga telah dimaklumkan sebelum ini, Kerajaan telah

mewujudkan Jawatankuasa Antara Kementerian dan Agensi untuk, antara lainnya, mengkaji dan menimbang kemungkinan Malaysia menyertai instrumen-instrumen tersebut.

5. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Antara Kementerian dan Agensi yang diwujudkan untuk mengkaji instrumen-instrumen antarabangsa mengenai hak asasi manusia masih sedang meneliti perkara ini. Sebelum Malaysia menyertai mana-mana instrumen antarabangsa, persediaan menyeluruh perlu dilaksanakan terutamanya dalam memastikan semua peruntukan instrumen berkenaan boleh diaplikasikan melalui rangka perundangan negara. Di samping itu, undang-undang sedia ada perlu disemak bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan peruntukan instrumen yang disertai.

6. Sehubungan itu, Kerajaan mengambil pendekatan bahawa kajian mengenai kemungkinan Malaysia menyertai instrumen-instrumen tersebut hendaklah dilaksanakan secara teliti, mendalam dan menyeluruh. Memandangkan terdapat banyak perkara penting yang berkait dengan pelbagai undang-undang sedia ada, penelitian yang dilaksanakan sudah tentunya mengambil masa yang lama. Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa proses ini penting untuk dilalui. Hasilnya kelak adalah pertimbangan yang lebih lengkap demi memastikan kepentingan negara dan rakyat terpelihara.

Sekian, terima kasih.